

Headline	Selaras polisi paten, rundingan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,998
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,994



Selaras polisi paten, rundingan

Semua pemain industri penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu menelaraskan polisi berkaitan paten dan rundingan bagi memastikan hasil kajian dapat dikomersialkan serta mampu meneroka pasaran dalam skala besar.

Wakil SRI International, Claude Leglise berkata, ketika ini kebanyakan syarikat menghadapi masalah untuk mengkomersialkan hasil kajian disebabkan ketidakketetapan polisi dalam kalangan pemain industri itu sendiri.

"Situasi ini menyebabkan usaha terbabit terhalang kerana syarikat sedia ada mengambil jalan mudah dengan membeli hasil kajian atas talian sekali gus menafikan kelebihan produk tempatan di sesebuah negara," katanya pada forum bertajuk 'From RnD Lab to Store Shelves' bersempena Sidang Kemuncak Keusahawanan Global 2013

(GES 2013) di sini, semalam.

Acara itu dipengerusikan Pengarah Perancangan Penyelidikan dan Korporat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Marzalina Mansor dan turut disertai Timbalan Pengarah Pusat Keusahawanan Universiti Cambridge United Kingdom, Joanna Mills, Ketua Pegawai Teknologi Intellectual Ventures, Edward Jung dan Wakil Cepheid USA, Carolina Garza Rico.

Claude berkata, hasil kajian dan inovasi berkualiti saja tidak mencukupi kerana usahawan dan syarikat yang terbabit perlu memastikan ia boleh bersaing baik dengan produk lain di pasaran tempatan dan luar negara.

Menurutnya, setiap penyelidik dan usahawan yang mengkomersialkan kajian perlu berpegang kepada prinsip produk untuk pengguna dan bukan produk un-

tuk dijual atau diniagakan

"Selain itu, kerjasama antara penyelidik dan syarikat juga penting kerana kedua-dua pihak mempunyai kelebihan dalam bidang masing-masing dan ia amat membantu usaha pengkomersialan terbabit," katanya.

Beliau menyarankan penyelidik dan usahawan seluruh dunia menggunakan kemudahan dana disediakan pihak kerajaan dan dalam masa sama, menyeru mereka untuk menjadi pemudah cara tanpa campur tangan ketara seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat.

"Pihak kerajaan juga diminta lebih terbuka dalam usaha mengkomersialkan kajian penyelidik di samping memberi fokus kepada kajian yang terbukti boleh memberi impak besar masyarakat dan bukan berdasarkan bilangan semata-mata," katanya.